



LAMPIRAN I

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN
SERTA ULASAN AGENSI DALAM
SESI PENDENGARAN AWAM**

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PADA HARI KHAMIS, 10 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT SENAT,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, GAMBANG, PAHANG**

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
1.	Encik Tan Chin Hua Wakil warga emas	<p>Isu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penilaian Impak Radiologi (RIA) kepada Pekerja dan Orang Awam Mempersoalkan bagaimana dan bila analisis dilakukan dan parameter yang digunakan. ii. Pengurusan Sisa Apakah sisa radioaktif yang dihasilkan dan bagaimana ia diurus. iii. Jenis-jenis sinaran dan kesan terhadap manusia dan alam sekitar. iv. Pengkelasan residu 	<p>RIA Lynas telah dijalankan oleh sekumpulan pakar yang diiktiraf oleh AELB dan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Pakar Teknikal. RIA menganggar dos dedahan kepada pekerja dan orang awam sehingga jarak lingkungan 1 km dari tapak LAMP dengan menggunakan simulasi kod computer yang mengambil kira tapak jalan dedahan sinaran luaran dan dalaman (external and internal exposure pathways).</p> <p>Daripada RIA, aktiviti Lynas akan memberikan dos dedahan kepada orang awam sebanyak 0.002 mSv. Nilai ini adalah di bawah had dos tahunan bagi orang awam iaitu 1 mSv/ tahun. Ini jelas menunjukkan dos dedahan yang diterima oleh orang awam daripada aktiviti Lynas adalah jauh lebih rendah daripada had dos tahunan. Maka tiada kesan radiologikal yang signifikan pada orang awam.</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>v. Ciri-ciri bahan mentah, residu, gas, asid dan bahan yang digunakan oleh Lynas</p>	<p>Bahan mentah (pekatan lantanid) yang akan digunakan oleh Lynas (M) Sdn. Bhd adalah tidak ditakrifkan sebagai bahan radioaktif tetapi ditakrifkan sebagai bahan yang mengandungi unsur radioaktif semulajadi (Naturally Occuring Radioactive Material, NORM). Sehubungan itu, residu yang akan dikeluarkan daripada LAMP juga ditakrifkan sebagai bukan sisa radioaktif, tetapi ditakrifkan sebagai residu yang mengandungi NORM.</p> <p>Selepas pemrosesan lantanid untuk mengasingkan bahan nadir bumi, residu yang terhasil adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Water Leach Purification (WLP)</i> • <i>Flue Gas Desulphurization (FGD)</i> • <i>Neutralized Under-Flow (NUF)</i> <p>Residu di atas mengandungi sejumlah kecil torium 232 yang sememangnya wujud secara semulajadi dalam semua bahan galian. Torium 232 adalah bahan radioaktif yang lemah (weakly radioactive).</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
			<p>Kesemua residu yang dihasilkan tersebut akan distor sementara di dalam Kemudahan Penstoran Sementara iaitu RSF yang terletak di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (final disposal) dilaksanakan. RSF dilapisi dengan bahan high-density polyethylene berkualiti tinggi, lapisan tanah liat dan dilengkapi dengan sistem pengesan kebocoran.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempat dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan oleh Lynas dalam tempoh 10 bulan dari tarikh pengeluaran TOL.</p> <p>Sinaran gamma diukur kerana ia boleh menyumbang kepada dedahan sinaran luaran sementara sinaran alfa dan beta tidak menimbulkan risiko dedahan luaran. Alfa dan beta tidak boleh bergerak dalam ruang udara dan boleh disekat menggunakan bahan – bahan</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
			<p>nipis. Contohnya, alfa boleh disekat dengan menggunakan sekeping kertas tisu dan sinaran beta boleh disekat dengan perspek yang nipis.</p> <p>Aktiviti pemprosesan yang dijalankan oleh Lynas akan memberikan dos dedahan kepada orang awam sebanyak 0.002 mSv. Tahap dos ini adalah sangat rendah dan tidak mungkin menimbulkan sebarang kesan terhadap tubuh manusia.</p> <p>Keradioaktifan dalam FGD dan NUF adalah di bawah tahap kawalan mengikut standard keselamatan sinaran. Oleh itu bahan-bahan ini tidak diklasifikasikan sebagai radioaktif.</p> <p>Lantanid oksida yang akan diproses untuk mengasingkan nadir bumi adalah tidak radioaktif.</p> <p>Asid sulfurik yang digunakan dalam proses di Lynas akan dikitar semula dan tidak dilepaskan ke alam sekitar.</p> <p>Sebelum pelepasan gas ke udara ianya ditapis dan dirawat untuk memastikan ianya mematuhi standard yang dikuatkuasakan di bawah Akta</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>vi. <i>Membangkitkan penggunaan air oleh Lynas</i></p> <p>vii. <i>Mengsyorkan kerajaan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan (klinik) untuk penduduk Kuantan secara percuma dan kos akan ditanggung oleh Lynas.</i></p> <p>viii. <i>Mengsyorkan supaya data pencemaran dikumpulkan ekoran aktiviti kilang-kilang yang sedang beroperasi di kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.</i></p>	<p>Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan lain-lain kehendak perundangan yang berkaitan.</p> <p>Tiada ulasan dari AELB</p> <p>Tiada ulasan dari AELB</p> <p>Pihak Lynas adalah bertanggungjawab untuk memastikan permonitoran sinaran dilakukan disekitar tapak kilang dan luar tapak kilang. AELB akan memantau dan mengesahkan bahawa tahap sinaran adalah mematuhi standard keselamatan sinaran yang dikuatkuasakan untuk memastikan keselamatan pekerja, orang awam dan alam sekitar terjamin.</p>
2.	Encik Chan Woon Zet	<p>Isu:-</p> <p>i. Tempoh TOL, jumlah sisa yang dihasilkan dan lokasi PDF.</p>	<p>Jabatan AELB boleh mengeluarkan sesuatu lesen bagi tempoh maksimum selama tiga (3) tahun. Walau bagaimanapun, TOL telah diluluskan oleh Lembaga pada 30 Januari 2012 bagi tempoh dua (2) tahun bagi LAMP.</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
			<p>Pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempat dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu.</p>
3.	Encik En. Liaw Sen Lan	<p>Isu:-</p> <p>i. Residu yang dihasilkan dan kadar sinarannya.</p>	<p>Tiga jenis residu utama yang akan dihasilkan daripada proses LAMP adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Water Leach Purification (WLP)</i> • <i>Flue Gas Desulphurization (FGD)</i> • <i>Neutralized Under-Flow (NUF)</i> <p>Kepekatan keradioaktifan torium dalam residu WLP dinyatakan sebagai 5.87 Bq/g yang mengikut perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia, adalah perlu dikawal.</p> <p>Aktiviti Lynas akan memberikan dos dedahan kepada pekerja sebanyak 0.002 mSv (RIA), nilai ini adalah di bawah had dos tahunan bagi orang awam, 1 mSv/ tahun. Ini jelas menunjukkan dos dedahan yang diterima oleh orang awam</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
			<p>dari pada aktiviti Lynas adalah jauh lebih rendah daripada dos dedahan bacaan latar belakang di Malaysia.</p>
4.	<p>Encik Yong Kim Keong [Wakil Bonsai Association of Pahang]</p>	<p>Isu:-</p> <p>i. Membangkitkan kerisauan mengenai kemungkinan akan berlakunya letupan di LAMP</p> <p>ii. Pengurusan sisa dan lokasi PDF.</p>	<p>Menurut DOSH, LAMP diklasifikasikan sebagai non-major hazard installation dan tidak perlu mematuhi peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian, 1996 (Control of Industrial Major Accident Hazard – CIMAH) 1996. Bahagian Major Hazard, DOSH Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat rasmi berkaitan perkara ini yang bertarikh 29 Mac 2012 kepada Lynas.</p> <p>Ini bermakna tidak ada kemungkinan berlaku letupan di kilang LAMP.</p> <p>Kesemua residu yang dihasilkan tersebut akan distor sementara di dalam Kemudahan Penstoran Sementara iaitu RSF yang terletak di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (<i>final disposal</i>) dilaksanakan. RSF dilipisi dengan bahan <i>high-density polyethylene</i> berkualiti tinggi, lapisan tanah liat dan dilengkapi dengan sistem</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>iii. Keutuhan PDF</p>	<p>pengesan kebocoran.</p> <p>Walau bagaimanapun, pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempat dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan oleh Lynas dalam tempoh 10 bulan dari tarikh pengeluaran TOL.</p> <p>Berkaitan syor IAEA supaya PDF mempunyai ciri-ciri ketahanan sehingga 300 tahun, ia adalah untuk memastikan rekabentuk kemudahan tersebut dapat bertahan di bawah apa-apa kemungkinan penuaan (ageing), kerosakan atau bencana alam. Ini tidak bermakna ia akan digunakan selama 300 tahun. Dalam kes Lynas, dijangka tidak akan ada sisa kerana residu yang terhasil akan dikitar atau diguna semula atau dikomersilkan.</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
5.	Encik Choi Soo Kiang [Individu]	Isu:- i. Pengurusan residu – Mengsyorkan residu dibawa keluar dari Malaysia	Lynas Corporation Australia dan Lynas (M) Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat masing-masing bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012 yang merakamkan komitmen untuk membawa keluar residu LAMP dari Malaysia, jika perlu. Pihak Lynas juga akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempat dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu.
6.	Dr. Carmen Chew [Malaysia Medical Association]	Isu:- i. Pengurusan sisa – kitar semula yang tidak lagi diamalkan di China, lokasi PDF	Pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempat dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu.

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>ii. Risk of internal and external radiation.</p>	<p>Di China perkara ini dijalankan kerana tiada keperluan untuk kitar semula kerana residu yang terhasil akan dikembalikan ke tapak lombong.</p> <p>Sifat torium adalah ia mempunyai ciri-ciri yang tidak larut dalam air dan mempunyai afiniti yang tinggi terhadap tanah liat. Torium juga mempunyai separuh hayat 14 bilion tahun dan ini boleh dianggap stabil. Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pengamal perubatan berkenaan internal emitters dan kesan torium kepada kesihatan manusia dan tiada kemungkinan bagi seseorang itu untuk terdedah kepada torium secara langsung sama ada dalaman atau luaran (internal or external) dalam kuantiti yang boleh membawa kemudahan ataupun melebihi had yang dibenarkan.</p> <p>Toron adalah gas hasil pereputan torium. Oleh kerana keradioaktifan torium adalah sangat rendah maka kuantiti toron yang dihasilkan adalah tersangat kecil. Toron mempunyai separa hayat 55 saat sahaja dan akan serta merta dicalirkan dalam udara (dilute) sebaik ia terhasil.</p> <p>Lynas juga perlu mematuhi syarat cagaran/jaminan kewangan yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan iaitu USD \$50</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
			<p>juta dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran. Ini tertakluk kepada kaji semula oleh Lembaga jika ditetapkan kemudian.</p> <p>Terdapat perbezaan di antara bahan mentah/ bahan mula dan residu yang dihasilkan oleh ARE dan LAMP kandungan Torium (Th) dalam bahan mentah ARE lebih kurang 40 kali lebih tinggi dari Lynas</p> <p>Tapak kilang ARE telah disahkan selamat dan bebas daripada pencemaran radioaktif (back to background) dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak. Sisa daripada kilang ARE telah dilupuskan dengan selamat di kemudahan pelupusan di Bukit Kledang dengan kawalan dan kawalseliaan oleh AELB.</p>
7.	<p>Encik Hon Kai Ping</p> <p>Encik Abdullah Johari Hamzah</p> <p>Puan Noor Jehan Abu</p>	<p>Isu:-</p> <p>i. PDF – Meminta supaya PDF disediakan sebelum LAMP beroperasi.</p>	<p>Syarat kelulusan TOL adalah seperti berikut:</p> <p>i. Lynas perlu mengemukakan semua aspek berkenaan PDF;</p> <p>ii. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
	<p>Bakar. Puan Rahiza binti Zulkifli</p> <p>Puan Amalia binti Mohamad Said.</p> <p>[Wakil - wakil peguam negeri Pahang]</p>	<p>ii. RIA – Meminta AELB melakukan RIA.</p>	<p>tanpa mengambil kira hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengkomersilan, pengkitaran dan penggunaan semula bahan residu;</p> <p>iii. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemuka dan diluluskan dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran TOL;</p> <p>Data-data yang digunakan dalam <i>Radiological Impact Assessment</i> (RIA) adalah berdasarkan data teori dan percubaan makmal yang perlu ditentusahkan dalam tempoh TOL bagi menjamin keselamatan kilang dan proses tersebut.</p> <p>Data-data yang digunakan dalam laporan <i>Radiological Impact Assessment</i> (RIA) bagi tujuan permohonan TOL adalah berdasarkan kepada <i>radiological baseline</i> data yang telah diperolehi sebelum operasi. AELB akan memastikan pihak Lynas mengemaskinikan RIA di setiap peringkat perlesenan dan dari masa ke semasa berdasarkan saranan Laporan International Atomic Energy Agency (IAEA).</p>

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PADA JUMAAT, 11 MEI 2012, BILIK MESYUARAT SENAT, BANGUNAN CANSELERI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, KUANTAN, PAHANG**

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
1.	Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali, Doktor Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health Doctor)	<p>i. Selama pengalaman lebih 10 tahun sebagai panel doktor pekerjaan untuk 90% kilang-kilang di kawasan Gebeng, tiada mendapati kes kejadian kanser akibat terdedah kepada kimia atau bahan bahaya di tempat kerja.</p> <p>ii. Mengesyorkan supaya Lynas diberi lesen untuk beroperasi untuk memberi mereka peluang membuktikan secara saintifik.</p> <p>iii. Memberi contoh Huntsman Tioxide di Kemaman yang memproses bahan yang sama iaitu <i>rare earth</i> seperti Lynas, dan mempunyai pengalaman selama 30 tahun dan tiada menunjukkan kaitan dengan kanser</p>	<p>TOL telah diluluskan oleh Lembaga pada 30 Januari 2012 bagi tempoh dua (2) tahun bagi LAMP bertujuan untuk :</p> <p>i. Memberi peluang untuk AELB menilai dan mengesahkan perakuan Lynas berkaitan keselamatan operasinya.</p> <p>ii. Keputusan TOL adalah asas kepada pertimbangan bagi lesen peringkat pengendalian penuh.</p> <p>Kegagalan mematuhi kehendak perundangan kebangsaan, standard antarabangsa dan amalan terpuji akan menyebabkan TOL digantung atau/ dan dibatalkan</p> <p>Kajian saintifik menunjukkan tidak ada hubungkait di antara dos sinaran aras rendah dengan kejadian kanser (UNSCEAR 2010).</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<ul style="list-style-type: none"> iv. Telah melawat Lynas dan yakin prosesnya adalah selamat v. Mempunyai perniagaan ikan air tawar dan merasa yakin dengan tahap pencemaran di Gebeng serta berpendapat Lynas tidak akan memberi kesan mudarat vi. Mendapati kesukaran untuk mencari rumah sewa dan harga hartanah semakin meningkat vii. Sebagai kontraktor pembekal tenaga kerja, mendapati lebih dari 500 calon telah memohon untuk bekerja dengan Lynas-berpendapat ini menunjukkan tiada ketakutan untuk bekerja dengan Lynas 	
2.	Dato' Mas'ut bin Awang Samah (Wakil Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)),	i. Berpendapat semua industri mempunyai risiko yang sama, ianya adalah "calculated risk"	AELB bersetuju dengan kenyataan ini.

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
	Cawangan Timur)	<p>ii. Berpendapat tahap kawalan dan penguatkuasaan di Malaysia adalah hebat dan ketat, dan Lynas turut dikenakan kawalan yang sama seperti industri lain</p> <p>iii. Merasakan jika Lynas mematuhi undang-undang, tiada sebab mengapa ia tidak disokong</p> <p>iv. Meminta bukti dan penjelasan lebih kukuh dari Lynas mengenai penggunaan semula sisa (residu) sebagai agregat atau bahan binaan jalan umpamanya tunjukkan di mana ianya telah digunakan</p> <p>v. Meluahkan rasa kecewa sekira Lynas dilewatkan kerana syarikat tersebut akan menanggung kerugian</p> <p>vi. Berpendapat Lynas mendatangkan kepentingan dan kebaikan ekonomi kerana mengeluarkan produk yang</p>	<p>Standard dan peraturan yang digunakan oleh AELB adalah setaraf dengan, atau pun lebih ketat dari, yang digunakan diperingkat antarabangsa.</p> <p>Pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan dalam tempoh TOL.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>mempunyai potensi pada masa depan</p> <p>vii. Bersetuju dengan keputusan MITI memberi tax holiday kepada Lynas kerana pelaburan syarikat tersebut adalah sangat besar</p>	
3.	Encik Mohamad bin Amir Mohsin (Pengerusi JKKK Kampung Selamat, Tanjung Api)	<p>i. Merasa yakin tentang kebaikan Lynas dan keputusan kerajaan</p> <p>ii. Menyatakan penduduk kampung setempat secara amnya tiada masalah dengan Lynas dan pihak yang membangkang adalah pihak yang tidak suka kerajaan</p> <p>iii. Percaya Lynas adalah perniagaan yang akan menguntungkan negara</p> <p>iv. Merasa yakin Lynas adalah selamat berdasarkan kenyataan dari pakar-pakar</p> <p>v. Menyatakan tiada kes penjualan hartanah, malah harganya semakin meningkat</p>	AELB mengambil maklum dan tiada apa-apa ulasan tambahan.

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
4.	Tuan Chang Hong Seong [ADUN Teruntum, Wakil MCA Pahang]	<p>i. <u>Isu pertama: Sisa</u> Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kilang tersebut untuk memastikan kesihatan dan juga alam sekitar sekeliling tidak terganggu hasil daripada proses pengilangan tersebut. Pihak MCA mencadangkan sekira tidak dapat dikendalikan dengan sempurna, sisa bahan yang dihasilkan tersebut dieksport ke luar negeri kalau boleh.</p> <p>ii. <u>Isu Kedua: Environment Impact Assessment (EIA)</u> Berpendapat kajian EIA masih belum dijalankan dan perlu dilaksanakan dengan mengambilkira sisa kimia dan pencemaran air dan udara, jika ada, disamping bahan radioaktif.</p> <p>iii. <u>Isu Ketiga: Storage Facility</u> Tidak pasti mengenai kemudahan</p>	<p>Lynas dikenakan kawalan oleh pihak penguatkuasa supaya mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard keselamatan dalam setiap proses yang dijalankan dan ke atas semua hasil yang dikeluarkan. Tambahan, Lynas Corporation Australia dan Lynas (M) Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat masing-masing bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012 yang merakamkan komitmen untuk membawa keluar residu LAMP dari Malaysia, jika perlu.</p> <p>Laporan pEIA telah dikemukakan oleh pihak Lynas dan diluluskan oleh JAS. Radiological Impact Assessment (RIA) juga telah dilakukan dan laporannya diluluskan oleh AELB.</p> <p>Residue Storage Facilities (RSF) yang terletak di dalam tapak LAMP, dilapisi dengan bahan <i>high-density polyethylene</i> berkualiti tinggi, lapisan</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>simpanan sementara kerana tidak pernah dijemput untuk melawat kilang tersebut. Meminta maklumat mengenai RSF umpamanya kapasiti menampung residu yang dikeluarkan oleh Lynas kerana difahamkan kapasitinya adalah untuk 5 tahun sahaja. Berpendapat kemudahan penyimpanan yang begitu besar patut jauh daripada tempat-tempat yang ramai penduduk dan di satu lokasi yang mana tanahnya tinggi daripada ground water level kalau boleh.</p> <p>iv. <u>Isu Keempat</u>: Pemantau bebas</p> <p>Menanyakan status pelantikan pemantau bebas pihak ketiga dan maklumat mengenai keahliannya.</p> <p>v. <u>Isu Kelima</u>: Mendakwa</p>	<p>tanah liat dan dilengkapi dengan sistem pengesan kebocoran. RSF adalah penstoran sementara, yang mana residu yang dihasilkan akan distor sementara di dalam RSF yang terletak di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir. RSF mampu menampung kapasiti residu yang dihasilkan dalam tempoh 18 bulan beroperasi, dan keluasan tapak RSF berupaya menampung residu untuk tempoh 6 tahun operasi.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pihak Lynas akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempatkan dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu</p> <p>Pihak AELB telah menerima syor panel pakar yang terdiri dari ahli badan profesional dan kerajaan untuk melantik sebuah syarikat terkemuka sebagai pemantau bebas. Proses perlantikan sedang dilaksanakan.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>kewujudan “<i>lack of transparency</i>”.</p> <p>Membangkitkan rasa tidak puas hati kerana kebanyakan masa pihak kerajaan yang memikul tanggungjawab untuk menjawab soalan-soalan yang sepatutnya dijawab oleh Lynas sebagai pemohon lesen.</p> <p>Meminta AELB lebih telus dan tidak terlahu “<i>authoritative</i>” terutama dalam kes pendedahan awam dokumen Lynas dimana orang awam tidak dibenarkan membuat salinan “<i>photostat</i>”</p>	<p>AELB telah mengaturkan sesi taklimat media di Lynas agar mereka dapat memberi jawapan secara terus kepada wakil media tempatan dan luar negara. Pihak Lynas juga telah menganjurkan beberapa sesi “outreach” kepada orang awam disekitar Kuantan dan Gebeng.</p> <p>AELB adalah tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Akta 304.</p>
5.	Dato’ Eng Fook Heng (Wakil MCA Pahang)	<p>i. Menegaskan pegangan MCA iaitu “semua sisa daripada kilang Lynas ini perlulah dihantar ke luar negeri dan tidak boleh disimpan di Gebeng”.</p>	<p>Lynas Corporation Australia dan Lynas (M) Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat masing-masing bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012 yang merakamkan komitmen untuk membawa keluar residu LAMP dari Malaysia.</p> <p>Pihak Lynas juga akan melakukan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu yang terhasil bagi tujuan guna semula dan pengkomersilan. Sekiranya R&D terhadap residu-residu dan pengkomersilan</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>ii. Menjangka paras radioaktiviti latarbelakang akan meningkat ekoran kewujudan “sisa buangan” torium yang separuh-hayatnya (half-life) selama 1.4 billion tahun dan menyentuh bahayanya sinaran alfa dan gamma</p> <p>iii. Menyatakan asid sulfurik yang digunakan oleh Lynas tidak boleh dilepaskan ke sungai atau laut tetapi perlu dikitar semula.</p> <p>iv. Menegaskan bahawa orang Kuantan, terutama masyarakat Cina, tidak mahu Lynas di Kuantan</p> <p>v. Meluahkan rasa terkilan</p>	<p>gagal, residu hendaklah diurus dan distor di Permanent Disposal Facility (PDF); jika gagal menempatkan dan membina PDF, semua residu akan dihantar pulang ke sumber asal, jika perlu.</p> <p>Tidak akan berlaku kerana kepekatan torium adalah sangat rendah dan ianya tidak diperkayakan. Residu LAMP bukanlah sisa torium tetapi tanah yang mengandungi unsur NORM dalam kuantiti yang sangat kecil. Separuh hayat yang panjang bermakna keradioaktifan torium adalah sangat lemah.</p> <p>Pihak berkuasa berkenaan akan memantau supaya tidak berlaku pelepasan asid atau air yang tidak terawat ke dalam sungai atau laut.</p> <p>Telah diulas oleh Dato’ Seri Pengerusi PSC.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>mengenai kenyataan Pengerusi bahawa Lynas mempunyai standard tertinggi di dunia</p>	
6.	Encik Ariffin Ahmad	<p>i. Komen tentang Residue Storage Facility (RSF) “<i>it is very primitive in nature</i>” and berdasarkan “concept design” semata-mata.</p> <p>ii. Berpendapat Lynas perlu menyediakan detailed EIA untuk mengambilkira sekira berlaku kegagalan RSF yang mengakibatkan “<i>leaching</i>” ke dalam sungai</p>	<p>Rekabentuk RSF telah derakui oleh pakar antarabangsa IAEA dan kapasiti nya adalah untuk menampung residu sehingga 5 tahun.</p> <p>Lynas perlu mematuhi kajian EIA terperinci tertakluk kepada keperluan perundangan pihak berkuasa berkenaan untuk tujuan permohonan lesen di peringkat seterusnya. Begitu juga dengan RIA, perlu dikemaskinikan di setiap peringkat perlesenan dan dari semasa ke semasa berdasarkan saranan Laporan International Atomic Energy Agency (IAEA).</p>
7.	Encik Chow Liong (Wakil Gabungan Persatuan- persatuan Tionghua Kuantan)	<p>i. Menyatakan kebanyakan masyarakat Cina di Kuantan tidak menyokong Lynas kerana bimbang tentang kesihatan, sisa radioaktif, pencemaran air dan udara</p>	<p>Melalui sesi taklimat media dan orang awam, AELB telah banyak kali memberi penerangan mengenai penguatkuasaan standard dan peraturan kawalan sinaran yang lebih ketat walaupun dikebanyakan negara lain, bahan</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>ii. Menyatakan impak negatif dirasakan dalam pembangunan hartanah kerana penurunan permintaan dan kkuatir dengan impak ke atas pelancungan di pantai timur</p> <p>iii. Mempersoalkan tax holiday 12 tahun yang diberi kepada Lynas</p> <p>iv. Membangkitkan isu kurang</p>	<p>radioaktif semulajadi (NORM) ini tidak dikenakan kawalan perundangan. Ini adalah demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan orang awam, pekerja dan alam sekitar di negara ini.</p> <p>Laporan Pasaran Hartanah 2011 yang diterbitkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, yang menunjukkan bahawa bagi tempoh lima tahun pertama iaitu 2007 hingga 2011, pola nilai hartanah di sekitar Kuantan adalah meningkat. Penilaian ini dibuat berdasarkan rekod transaksi jualan/belian hartanah yang direkodkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta</p> <p>Faedah-faedah ekonomi yang bakal diperolehi daripada projek ini, dari segi jumlah pelaburan, peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan pemindahan teknologi. Selain daripada itu, projek LAMP berpotensi untuk menarik pelaburan-pelaburan baru terutama dalam sektor hiliran berteknologi tinggi dan mesra alam yang akan menggunakan keluaran Lynas sebagai bahan mentah/ input.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		keyakinan rakyat Malaysia terhadap pengurusan “bukit” (Merah?)	AELB telah berjaya melupus sisa kilang ARE di Bukit Merah dan kawasan tapak kilang telah dibaikpulih dan dikembalikan kepada kerajaan negeri Perak.
8.	Encik Pang Woon Ping (Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Tionghua Kuantan)	Melahirkan kebimbangan adanya projek (perumahan dan interchange highway) dalam lingkungan 2km dari Lynas.	AELB tiada ulasan.
8.	Encik Kok Chee Hing	<ul style="list-style-type: none"> i. Membangkitkan isu hilang kepercayaan terhadap pihak swasta dan kerajaan. ii. Menyatakan terdapat kesilapan teknikal dalam dokumen Lynas yang dikemukakan untuk memohon TOL. iii. Membandingkan pemekatan lanthanide di Mt. Weld dengan proses pengeluaran unsur nadir bumi di Lynas Malaysia. iv. Mempersoal keutuhan CEO Lynas Australia yang dari laporan 	<p>AELB tiada ulasan.</p> <p>AELB telah meminta pihak Lynas membuat pembetulan ke atas dokumen sebelum permohonan TOL dipertimbangkan.</p> <p>Perbandingan ini tidak wajar kerana Mt Weld adalah lombong lantanid iaitu bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi, sementara Lynas Malaysia adalah kilang memproses lantanid untuk mengeluarkan unsur nadir bumi. Proses terlibat adalah berbeza.</p> <p>AELB tiada ulasan.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
9.	Encik Mat Azahar bin Mat Lazim	<p>dikabarkan telah membuat keputusan perniagaan dalam keadaan "conflict of interest"</p> <p>i. Mempersoalkan kesahihan laporan Lynas mengenai kandungan unsur kimia/ nadir bumi dalam bahan mentah</p> <p>ii. Mendakwa JAS tidak meneliti PEIA kerana ianya diluluskan tanpa mengambil kira kandungan logam berat</p> <p>iii. Mendakwa Lynas tidak menjalankan analisis sampel utnuk menentukan kandungan</p>	<p>MOSTI telah mengadakan lawatan teknikal rasmi ke agensi penguatkuasa di Australia Barat pada 23 hingga 25 Mei 2012 untuk menentusahkan dokumen dan permit yang dikemukakan oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd serta mendapatkan penjelasan rasmi berhubung beberapa isu termasuk kandungan dalam pekatan lantanid iaitu bahan mula kilang Lynas. Penjelasan oleh Pihak Berkuasa Australia Barat sebelum pekatan lantanid dieksport ke Malaysia, akan dianalisa kandungannya oleh makmal bertauliah Australia yang mempunyai akreditasi ISO/IEC17025:2005 bagi mengesahkan kandungan kimia/radioisotop;</p> <p>Rujuk ulasan JAS</p> <p>Makmal yang menjalankan analisis bagi pihak Lynas adalah sebuah fasiliti yang terunggul di</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>nadir bumi dan uranium-torium dengan betul dan tidak menggunakan kaedah yang terbaik mengikut standard USA</p> <p>iv. Menyelar AELB kerana tidak menggunakan kepakaran Nuklear Malaysia untuk menjalankan analisis sampel Lynas</p> <p>v. Mengesyorkan Lynas menjalankan dEIA dan RIA sekali lagi</p> <p>vi. Lynas didakwa tidak menjalankan analisis yang lengkap bagi sisa NUF dan FGD</p>	<p>Australia dan teknik yang digunakan adalah berdasarkan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu makmal bertauliah yang mempunyai akreditasi ISO/IEC17025:2005.</p> <p>AELB mensyaratkan supaya sampel pekatan lantanid daripada setiap konsainmen dianalisa kandungannya sebelum dibawa masuk ke kilang Lynas. Setakat ini, tidak memperolehi sampel kerana belum ada bahan mentah yang diimport oleh Lynas.</p> <p>Laporan EIA telahpun diluluskan pada tahun 2008. Begitu juga dengan RIA, perlu dikemaskinikan di setiap peringkat perlesenan dan dari semasa ke semasa berdasarkan saranan Laporan International Atomic Energy Agency (IAEA).</p> <p>AELB dan IAEA berpuas hati dengan laporan "Safety Case" oleh Lynas.</p>

BIL	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
		<p>vii. Mempersoalkan RSF yang tidak mungkin dapat ditutup dengan efektif kerana terlalu besar dan tinggi, dan membuat andaian akan berlaku pencemaran sekitar berlaku najir, tsunami dan kebocoran lining HDPE dan pelepasan logam berat melalui debu</p> <p>viii. Mendakwa tiada undang-undang mengenai discharge water dan effluent gas di bawah Akta 304.</p>	<p>Mengikut pandangan IAEA, tiada risiko signifikan dari event sedemikian dan pelepasan torium adalah terlalu kecil dan tidak bahaya</p> <p>Akta 304 hanya meliputi penggunaan sinaran atau bahan radioaktif. Standard udara dan air adalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)</p>
10.	Jose Rajan (Professor of Physics and Marine Science at the University of Malaysia Pahang).	<p>i. Pengalaman luas bekerja dengan nadir bumi dan tiada kesan yang memudaratkan kesihatan</p> <p>ii. Menekankan pentingnya kesedaran awam terhadap kemajuan yang telah dicapai dalam kawalan sinaran</p>	<p>AELB ambil maklum.</p> <p>AELB bersetuju dengan anjuran ini.</p>

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PADA ISNIN, 21 MEI 2012, BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
1.	Encik Mohd Fawzi bin Ibrahim	Penjelasan berkenaan nilai hartanah di Kuantan.	<p>Jabatan AELB mengambil maklum bahawa tiada sebarang impak negatif daripada LAMP terhadap nilai hartanah di Kuantan.</p> <p>Laporan Pasaran Hartanah 2011 yang diterbitkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, yang menunjukkan bahawa bagi tempoh lima tahun pertama iaitu 2007 hingga 2011, pola nilai hartanah di sekitar Kuantan adalah meningkat. Penilaian ini dibuat berdasarkan rekod transaksi jualan/belian hartanah yang direkodkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta</p>
2.	Dr. Abd. Rahman Omar	Penjelasan mengenai sifat dan ciri-ciri kimia torium 232.	<p><i>Thorium 232</i> adalah satu-satunya isotop <i>thorium</i> yang wujud secara tabii. <i>Thorium 232</i> ini adalah radioaktif, mempunyai separuh hayat selama 14 bilion tahun, mereput secara alfa sahaja tidak ada beta dan tenaga yang dibawa oleh zarah alfa itu adalah empat <i>million</i> elektron volt.</p> <p><i>Thorium</i> does not occur to any significant extent in the biosphere and does not normally present a risk to human health (IAEA). The half-life of thorium-232, the isotope of most concern, is very long. Its low specific activity means this isotope is</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
3.	Dato' Dr. Looi Hoong Wah	Penjelasan mengenai sifat dan ciri-ciri kimia Torium 232 dan kaitannya dengan LAMP.	<i>not highly radioactive (ANL 2005).</i> LAMP menggunakan bahan mentah bijih Lanthanid yang merupakan sejenis bahan mineral yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi seperti unsur torium. Unsur torium yang wujud dalam pekatan lanthanid mempunyai tahap keradioaktifan yang menghampiri paras tanah biasa di beberapa kawasan di Malaysia.
4.	Prof. Dr. Proom Promwicht	Penjelasan berkenaan dengan jenis-jenis sinaran dan kesan-kesan biologi.	Dalam bidang fizik, sinaran merupakan satu proses di mana zarah bertenaga atau gelombang bertenaga bergerak melalui medium atau ruang. Dua jenis sinaran biasanya dibezakan dengan cara mereka berinteraksi dengan bahan kimia biasa iaitu sinaran mengion dan bukan mengion. Perkataan sinaran sering digunakan dalam rujukan kepada sinaran mengion (iaitu, sinaran yang mempunyai tenaga yang mencukupi untuk mengion atom), tetapi istilah sinaran juga merujuk kepada sinaran tidak mengion (contohnya, gelombang radio, haba atau cahaya nampak). Sinaran mengion terdiri daripada sinaran alfa, sinaran beta, radiasi gamma, dan sinaran x.
5.	Prof. Dr. Jamal bin Othman UKM	Penjelasan berkenaan faedah ekonomi daripada LAMP kepada Malaysia.	Di pihak MITI, faedah-faedah ekonomi yang bakal diperolehi daripada projek ini, dari segi jumlah pelaburan, peluang pekerjaan kepada

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
6.	Prof. Madya (K) Datuk Dr. Fuad Ismail	Penjelasan mengenai tiada bukti saintifik yang menunjukkan hubungan antara kes kanser dengan aras sinaran latar belakang yang tinggi. Tiada bukti yang menunjukkan peningkatan kes kanser di Bukit Merah, walaupun setelah 20 tahun operasi Asian Rare Earth (ARE) dihentikan.	<p>rakyat tempatan dan pemindahan teknologi. Selain daripada itu, projek LAMP berpotensi untuk menarik pelaburan-pelaburan baru terutama dalam sektor hiliran berteknologi tinggi dan mesra alam yang akan menggunakan keluaran Lynas sebagai bahan mentah/ input</p> <p>Kajian saintifik menunjukkan tidak ada hubungkait di antara dos sinaran aras rendah dengan kejadian kanser (UNSCEAR 2010).</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
7.	Prof. Dr. Ahmad Termizi Ramli	Penjelasan terperinci berkenaan dengan sinaran, kesan sinaran, kaitan antara kanser dengan sinaran, keradioaktifan dan dos sinaran dalam kes Lynas adalah ' <i>non issue</i> '.	<p>Aktiviti Lynas akan memberikan dos dedahan kepada pekerja sebanyak 0.002 mSv (RIA), nilai ini adalah di bawah had dos tahunan bagi orang awam. Bacaan latarbelakang semulajadi di Malaysia adalah 2.2 mSv/tahun. Ini jelas menunjukkan dos dedahan yang diterima oleh orang awam daripada aktiviti Lynas adalah jauh lebih rendah daripada dos dedahan bacaan latar belakang di Malaysia.</p> <p>Manakala kadar dos sinaran semulajadi yang diterima oleh penduduk dunia adalah 2.4 mSv/tahun. Nilai ini adalah berbeza-beza mengikut kawasan, misalnya di sebahagian India, Iran dan Brazil, kadar dos semulajadi mencapai beberapa ratus kali ganda lebih tinggi (UNSCEAR 2000). Kajian saintifik juga menunjukkan tidak ada hubungkait di antara dos sinaran aras rendah dengan kejadian kanser (UNSCEAR 2010)</p>
8.	Prof. Ng. Kwan Hoong	Penjelasan berkenaan <i>risk communication</i> dan kepentingan penglibatan orang awam dalam proses membuat keputusan terutama dalam projek yang boleh memberikan kesan kepada kesihatan.	Program kesedaran keselamatan sinaran telah di adakan secara berkala oleh AELB melalui siri taklimat awam. Maklumat berkaitan juga boleh diperolehi dari laman web AELB seperti maklumat teknikal, perundangan, data permonitoran radiologi dan sebagainya.

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
9.	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Kamil bin Wan Abdullah	Penjelasan berkenaan dengan kepentingan dan peranan agensi penguatkuasaan " <i>it is sufficient for IAEA to recognize that Lynas is safe</i> "	<p>AELB juga mengambil kira terhadap sensitiviti dan kepentingan orang awam dalam membuat keputusan bagi kes atau projek yang berkemungkinan menjejaskan kesihatan awam yang melibatkan sinaran mengion.</p> <p>a) Keperluan melakukan RIA sebelum sesuatu projek dijalankan;</p> <p>b) Keperluan melakukan pemantauan radiologi dan alam sekitar latarbelakang sebelum sesuatu projek dijalankan;</p> <p>c) Pameran awam dokumen-dokumen permohonan lesen TOL Lynas untuk mendapatkan ulasan dan maklumbalas daripada orang awam.</p> <p>d) Sesi dialog/taklimat awam berkenaan dengan projek Lynas.</p>
		Laporan IAEA hasil dari lawatan kerja pada 29 Mei hingga 3 Jun 2011 mendapati rangka perundangan di Malaysia adalah mencukupi dan memenuhi piawaian antarabangsa. IAEA juga menyarankan bahawa aktiviti Lynas adalah selamat.	

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL .	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
1	<p>Encik. Liaw Sen Lan (Warga Emas Kuantan)</p> <p>Encik. Yong Kim Keong (Persatuan Bonsai Pahang)</p> <p>Encik Chow Liong (Gabungan Persatuan-persatuan Tionghua Kuantan)</p>	<p>Pengecualian Cukai kepada Syarikat Lynas selama 12 tahun</p> <p>Menyokong:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Mas'ut Awang Samah: <p>“ ...Itu adalah peluang perniagaan...” “ ...Bagi kalangan orang-orang berniaga dalam industri itu adalah perkara biasa...”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Insentif pengecualian cukai merupakan salah satu mekanisme bagi menarik pelaburan ke negara ini seperti mana yang termaktub di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. • Kerajaan boleh mempertimbangkan insentif selain daripada yang disediakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 terutamanya kepada projek-projek yang strategik dan berimpak tinggi sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967 • Antara faktor-faktor yang akan diambil kira dalam menentukan sesuatu projek itu adalah strategik dan berimpak tinggi adalah: <ul style="list-style-type: none"> ○ Melibatkan teknologi baru dan baru muncul; ○ Mewujudkan hubungan rantaian industri; ○ Melaksanakan projek pengeluaran produk atau aktiviti yang berpotensi untuk menarik pelaburan baru dan projek projek yang berkaitan; ○ Melibatkan pelaburan modal yang tinggi dengan tempoh pembangunan yang panjang; ○ sumbangan GNI yang tinggi. • Dalam kes Lynas, projek ini dikategorikan sebagai projek strategik dan berpotensi menarik pelaburan-pelaburan baru terutama dalam sektor hiliran berteknologi tinggi dan mesra alam. Syarikat Lynas telah memohon Pengecualian Cukai Pendapatan 100% bagi tempoh 15 tahun. Pada 11 Oktober 2007, JKMP telah bersetuju meluluskan Pengecualian Cukai

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL .	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>Pendapatan 100% ke atas pendapatan statutori di bawah Seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tempoh 12 tahun .</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat Lynas telah diberi kelulusan Lesen Pengilang untuk beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang berkuatkuasa pada 22 Januari 2008.
2	<p>Encik. Yong Kim Keong (Persatuan Bonsai Pahang)</p> <p>Encik Choo Kay Boon (MCA Pahang)</p> <p>Encik Tan Bun Teet (SMSL)</p>	<p>Faedah ekonomi yang diperoleh daripada pembangunan Syarikat Lynas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Projek LAMP merupakan industri yang strategik kepada negara kerana syarikat akan menghasilkan bahan mentah/input yang merupakan elemen penting dalam inovasi teknologi hijau seperti pembuatan produk telefon bimbit, pemacu cakera, <i>catalytic converter</i>, turbin angin, bateri kereta hybrid dan paparan skrin rata. • Projek LAMP dijangka akan menyumbang kepada ekonomi negara melalui: <ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan pendapatan pertukaran mata wang asing dengan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion; - Pemindahan teknologi dengan menyediakan latihan berjumlah RM2.7 juta setahun kepada pekerja tempatan; - Perbelanjaan sebanyak 1 peratus daripada jumlah jualan kasar setahun untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan. 50 peratus dari jumlah ini mesti dibelanjakan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan pengurusan residu. - Penjanaan aktiviti ekonomi perkhidmatan sebanyak RM65.8 juta setahun dan penggunaan utiliti seperti elektrik dan air

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL .	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>berjumlah RM52.8 juta setahun;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kewujudan peluang pekerjaan kepada 400 pekerja tetap (pekerja tempatan kecuali 4 dari negara China dan 1 dari India) dan 200 pekerja kontrak (tempatan); - Potensi untuk menarik pelaburan baru terutama dalam sektor hiliran berteknologi tinggi yang akan menggunakan keluaran Lynas sebagai bahan mentah/input, seperti pembuatan produk telefon bimbit, pemacu cakera, <i>catalytic converter</i>, turbin angin, bateri kereta hybrid dan paparan skrin rata: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Spin-off</i> kepada industri sokongan huluhan tempatan; <ul style="list-style-type: none"> o Kilang baru asid sulfurik di Gebeng dengan pelaburan sebanyak RM200 juta; o Pemesaran kilang asid hidroklorik di Kemaman, pelaburan RM100 juta; dan o Fasiliti tambahan pembekal <i>Hydrated Lime</i>, RM5 juta. • Projek LAMP ini juga menyokong dasar perindustrian semasa ke arah industri berteknologi tinggi, selamat dan mesra alam untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.
3	<p>Encik Tan Chin Hua (Warga Emas Kuantan)</p> <p>Encik Yong Kim Keong (Persatuan Bonsai Pahang)</p>	<p>Kurangnya aktiviti <i>engagement</i> yang dijalankan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Kerajaan dan Syarikat Lynas telah dan sentiasa menjalankan pelbagai aktiviti <i>engagement</i> bagi memberi penjelasan dan menyampaikan maklumat dan fakta yang tepat mengenai projek LAMP. Antara aktiviti yang telah dijalankan: <ul style="list-style-type: none"> - Sesi penerangan kepada media arus perdana dan alternatif, agensi-agensy kerajaan peringkat persekutuan dan negeri

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
	<p>Puan Nor Jeehan Abu Bakar (Pahang Bar Council)</p> <p>Encik Tan Bun Teet (SMSL)</p> <p>Dr. Jose Rajan (Individu)</p>		<p>serta komuniti tempatan;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sidang dan kenyataan media oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi; - Sesi pendengaran awam semasa lawatan Panel Pakar Bebas Antarabangsa (IAEA) ke Malaysia pada 29 Mei hingga 3 Jun 2011; - Akses kepada pihak awam untuk meneliti dokumen laporan <i>Environmental Impact Assessment</i> (EIA), laporan hasil kajian IAEA dan dokumen pengurusan sisa jangka panjang projek LAMP; - Sesi perjumpaan YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan YAB Menteri Besar Pahang bersama wakil komuniti tempatan; - Pengedaran brosur dan risalah maklumat nadir bumi dan projek LAMP serta jawapan kepada soalan-soalan lazim; - Sesi perjumpaan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta agensi-agensi berkaitan dengan kumpulan-kumpulan anti-Lynas seperti Badan Bertindak Anti-Rare Earth Refinery (BADAR), Stop Lynas Save Malaysia dan Dato' Ambiga; - Sesi perjumpaan dan penerangan kepada ketua-ketua komuniti Cina dan media-media berbahasa Cina yang turut dihadiri oleh YB Menteri Kesihatan dan Presiden MCA; - Menggalakkan Syarikat Lynas untuk meningkatkan aktiviti-

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL .	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>aktiviti engagement terhadap pihak-pihak berkepentingan;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Advertorial dan surat kepada editor bagi menjawab dan memperbetulkan fakta-fakta salah yang diterbitkan oleh kumpulan anti-Lynas; dan - Taklimat mingguan kepada media oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom selepas keputusan Lesen Operasi Sementara diumumkan pada 1 Februari 2012. • Pada masa ini Kementerian sedang bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan belia di Pahang untuk melaksanakan pelbagai aktiviti <i>engagement</i> dan <i>outreach</i> berkaitan Lynas.
4	<p>Encik. Tan Chin Hua (Warga Emas Kuantan)</p> <p>Encik. Chew Yoke Chin (Warga Emas Kuantan)</p> <p>Encik Chan Woon Zet (Individu)</p> <p>Encik Hon Kai Peng (Pahang Bar Council)</p>	<p>Mengapa Lynas beroperasi di Malaysia dan bukan Australia?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Australia – No residents within 30 km of operations 	<ul style="list-style-type: none"> • Pada 20 Januari 2004, Syarikat Lynas telah mendapat kelulusan lanjutan tempoh daripada Kerajaan Australia Barat untuk beroperasi di Meenar Industrial Park, Perth (Kelulusan asal diberikan kepada syarikat Asthon Rare Earth Pte. Ltd. yang telah dibeli oleh Lynas Corporation pada tahun 2003). Namun begitu, syarikat mendapati adalah tidak praktikal dari segi ekonomi kerana kos infrastruktur dan utiliti seperti air dan elektrik tinggi. • Sebagai contoh, kos utiliti air di Australia adalah RM6/m³ berbanding kos di Malaysia iaitu sebanyak RM0.84/m³ manakala kos elektrik adalah RM0.23 per kilowatt jam berbanding RM0.96 per kilowatt jam berbanding kos di Australia. Bagi kos bahan kimia yang digunakan, <i>Caustic Soda</i>, Lynas memperoleh harga RM500 per tan berbanding RM1,500 per tan di Australia. • Keputusan Lynas untuk beroperasi di Malaysia adalah berasaskan pertimbangan komersil dan dasar pelaburan

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

BIL .	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>kerajaan Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan menjadi pilihan memandangkan ia berdekatan dengan Pelabuhan Kuantan, ketersediaan bekalan gas, air dan bahan kimia yang cukup serta terdapat tenaga pekerja mahir petrokimia di negara ini. • Selain daripada Australia dan Malaysia, Lynas juga mendapat kelulusan untuk beroperasi di China. Namun disebabkan Kerajaan China telah mengenakan syarat had kuota eksport di mana ianya sedang dicabar oleh beberapa negara, iaitu Amerika Syarikat, Mexico dan Kesatuan Eropah di bawah mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Lynas membuat keputusan untuk tidak meneruskan operasi di China. • Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat satu cadangan membina kompleks nadir bumi di Whyalla, Australia Selatan oleh syarikat Arafura Resources Ltd. Cadangan ini dalam peringkat menjalankan kajian Environment Impact Statement (EIS) yang diperlukan oleh Kerajaan Australia Selatan. Pada masa yang sama, syarikat sedang menjalankan konsultasi dengan pihak awam bagi menyebarkan maklumat dan mendapatkan maklumbalas mengenai projek tersebut. Pembinaan kompleks dijangka akan dimulakan pada tahun 2013 dan akan mengambil masa 18 – 24 bulan untuk disiapkan. Pengeluaran komersial dijangka akan dimulakan pada 2015.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
 JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
 PADA HARI 11 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, GAMBANG, PAHANG

BIL	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
1	Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali	Status pendaftaran Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health Doctor – OHD). Bidang tugas Doktor Kesihatan Pekerjaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berdaftar sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan dengan DOSH mengikut keperluan peraturan USECHH 2000 dengan nombor pendaftaran HQ/08/DOC/00/7 1. Pengamal perubatan yang memiliki sijil amalan tahunan yang sah mengikut keperluan Akta Perubatan 1971 dan mempunyai kelulusan dalam bidang kesihatan pekerjaan yang diperakui oleh DOSH, 2. Berdaftar dengan jabatan mengikut keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Peraturan USECHH 2000). 3. Bidang tugas meliputi: <ol style="list-style-type: none"> a. Menjalankan program pengawasan perubatan kepada golongan pekerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan dan mengadakan lawatan ke tempat kerja yang berkaitan mengikut keperluan peraturan USECHH 2000, b. Menjalankan siasatan ke atas kes penyakit serta keracunan pekerjaan berkaitan program pengawasan perubatan tersebut, c. Menjalankan taksiran hilang upaya dan keupayaan menggunakan peralatan perlindungan diri pekerja, d. Menjalankan program pemindahan perubatan (Medical removal protection) dan mengembalikan pekerja ke unit kerjanya sekiranya risiko pendedahan terkawal dan tiada lagi kesan kepada kesihatan pekerja,

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
 JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
 PADA HARI 11 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, GAMBANG, PAHANG

BIL	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>e. Menjalankan pendidikan kesihatan kepada pekerja,</p> <p>f. Menyelenggara rekod-rekod pengawasan perubatan,</p> <p>g. Melaporkan kes-kes penyakit dan keracunan pekerjaan kepada Ketua Pengarah mengikut keperluan Peraturan NADOPOD 2004 . (Turut terpakai kepada semua pengamal perubatan),</p> <p>h. Menghantar borang pengawasan perubatan di bawah Peraturan USECHH 2000 kepada Ketua Pengarah DOSH dalam tempoh 30 hari selepas program pengawasan perubatan dijalankan,</p>
		<p>Status pendaftaran Dr Jayabalan sebagai Occupational Health Doctor (OHD)</p>	<p>1. Perlu disahkan nama penuhnya untuk menyemak status pendaftaran sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan.</p>
		<p>Pelaporan kes kanser Asian Rare Earth</p>	<p>1. Akta Kilang dan Jentera 1967 (Pindaan 1974) di bawah Seksyen 31 memerlukan pengamal perubatan melaporkan penyakit pekerjaan seperti berikut:</p> <p>Every registered medical practitioner attending on, or called in to visit, a patient whom he believes to be suffering from any of the diseases named in the Third Schedule and contracted in a factory shall, unless such notice has been previously sent -</p> <p>(a) forthwith sent to the Chief Inspector a notice stating the name and location of the factory in which the patient states he is or was last employed, the name and full postal address of the patient and the disease from which, in the</p>

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
 JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
 PADA HARI 11 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, GAMBANG, PAHANG

BIL	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<p>opinion of the registered medical practitioner, the patient is suffering; and (b) at the same time send a copy of the notice to the occupier of the factory in which the patient states he is or was last employed.</p> <p>(Schedule III dilampirkan)</p> <p>2. Tiada rekod di jabatan (DOSH) mengenai pelaporan kes kanser dari pengamal perubatan berkaitan Asian Rare Earth</p>

Ringkasan:

USECHH Regulations 2000 : Use and Standard of Exposure of Chemicals Hazardous to Health Regulations 2000 (Occupational Safety and Health Act 1994)

NADOPOD Regulations 2004 : Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease Regulations 2004 (Occupational Safety and Health Act 1994)

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PADA HARI 10 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT TAPAK KILANG LYNAS MALAYSIA SDN. BHD., PAHANG**

BIL.	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
1	CEO LYNAS MALAYSIA semasa taklimat kepada PSC mengenai projek Lynas.	Di bawah Peraturan CIMAH (Control of Industrial Major Accident Hazard) 1996, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, pepasangan di kilang Lynas tidak di kategorikan sebagai Pepasangan Bahaya Besar.	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak JKKP telah menerima borang Pemberitahuan Aktiviti Industri yang dikemaskini daripada pihak Lynas pada 14 Mac 2012 yang lalu. • Oleh yang demikian pepasangan pihak Lynas yang sebelum ini dikategorikan sebagai Pepasangan Bahaya Besar (Major Hazard Installation-MHI) telah dikategorikan semula yang mana pihak Lynas tidak perlu untuk mematuhi terhadap Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 - CIMAH. • Pepasangan Lynas diklasifikasikan sebagai MHI pada mulanya kerana kuantiti bahannya iaitu LPG melebihi kuantiti ambang yang ditetapkan. Kuantiti bahan LPG yang dilaporkan menerusi borang JKKP5 pada 1 Ogos 2008 ialah sebanyak 100 tan. Oleh itu, kuantiti tersebut melebihi kuantiti ambang yang ditetapkan bagi LPG yang tergolong dalam kategori Gas Mudah Terbakar iaitu 50 tan sahaja. Namun begitu, setelah perbincangan diadakan dengan pihak Lynas pada 31 Jan 2012, difahamkan pihak Lynas membatalkan penggunaan LPG di tapak pepasangan. Pihak Major Hazard menasihatkan supaya pihak Lynas menghantar semula borang JKKP5 yang baru/dikemaskini untuk dinilai semula.

BIL.	INDIVIDU / PERSATUAN	PERKARA / CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Setelah dinilai semula, bahan-bahan yang dikemukakan adalah tidak termasuk LPG dan kuantiti bahan-bahan tersebut adalah di bawah 10% kuantiti ambangnya dan tidak perlu mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996. • Walau bagaimanapun, pihak Lynas masih perlu mematuhi Peraturan lain di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. • Pihak Bahagian Major Hazard JKKP Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat rasmi berkaitan perkara ini yang bertarikh 29 Mac 2012 kepada pihak Lynas.

**ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PADA HARI KHAMIS, 10 MEI 2012 DI BILIK MESYUARAT SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, GAMBANG, PAHANG**

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
1.	<p>a. Encik Tan Chin Hua [Kumpulan Warga Emas]</p> <p>b. Encik Choi Soo Kiang [Individu]</p> <p>c. Encik Hon Kai Ping [Pahang Bar]</p>	<p>Pengurusan Residu dari Proses Kilang Lynas Advanced Materials Plant (LAMP)</p>	<p>a. <u>Pengurusan Residu Proses Kilang LAMP</u></p> <p>(i) Tiga jenis residu utama yang akan dihasilkan daripada proses LAMP adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Water Leach Purification</i> (WLP) • <i>Flue Gas Desulphurization</i> (FGD) • <i>Neutralized Under-Flow</i> (NUF) <p>(ii) Kesemua residu yang dihasilkan tersebut akan distor sementara di dalam Kemudahan Penstoran Sementara iaitu RSF yang terletak di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (<i>final disposal</i>) dilaksanakan. RSF dilipisi dengan bahan <i>high-density polyethylene</i> berkualiti tinggi, lapisan tanah liat dan dilengkapi dengan sistem pengesan kebocoran.</p> <p>(iii) Sekiranya LAMP berupaya membuktikan melalui kriteria oleh AELB bahawa residu WLP, NUF dan FGD melepasi</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
			<p>tahap yang dikawal oleh AELB dan boleh dikawal di bawah buangan terjadual (bukan radioaktif) oleh Jabatan Alam Sekitar, residu berkenaan hendaklah dikendalikan di kemudahan pengololahan dan pelupusan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.</p> <p>b. <u>Laporan Misi Misi Tinjauan Semula Antarabangsa tentang Aspek Keselamatan Radiasi Fasiliti Pemprosesan Nadir-Bumi Yang Dicadangkan (Projek Lynas)</u></p> <p>(i) Merujuk kepada saranan teknikal oleh Pakar-Pakar Misi Tinjauan Semula Antarabangsa tentang Aspek Keselamatan Radiasi Fasiliti Pemprosesan Nadir-Bumi Yang Dicadangkan (Projek Lynas) (<i>International Atomic Energy Agency (IAEA) Review Mission on the Radiation Safety Aspects of the Lynas Project, Pahang</i>) pada 30 Jun 2011 berhubung dengan pengendalian buangan/sisa (<i>solid residues</i>) yang dihasilkan daripada proses kilang</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
			<p>Lynas, di muka surat 16 hingga 21 laporan IAEA tersebut (rujuk muka surat 20 dan 21 laporan IAEA):-</p> <p><u>Versi Bahasa Melayu:-</u></p> <p>“Lembaga Perlesenan Tenaga Atom hendaklah menggubal kriteria yang akan membolehkan penyahsulfuran gas serombong (FGD) dan baki aliran bawah peneutralan (NUF) diisytiharkan sebagai bukan radioaktif bagi tujuan pematuhan peraturan, supaya ia dapat dikeluarkan dari tapak dan, jika perlu dari segi peraturan alam sekitar, dikawal sebagai sisa terjadual.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Perlesenan Tenaga Atom hendaklah meminta Lynas mengemukakan, sebelum memulakan operasi, pelan yang membentangkan pendekatan yang dicadangkan bagi pengurusan sisa jangka panjang, khususnya pengurusan pepejal penulenan kuras air (WLP) selepas penutupan loji, bersama dengan kes keselamatan untuk menyokong pelan tersebut. Kes keselamatan ini hendaklah menangani isu

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
			<p>seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kegunaan tanah pada masa mendatang (ditentukan secara konsultasi dengan pihak berkepentingan); (b) Kriteria dos bagi perlindungan awam; (c) Tempoh masa bagi penaksiran tersebut; (d) Fungsi keselamatan (misalnya, pengurusan, pengasingan, perambatan); (e) Metodologi pengenalpastian dan pemilihan senario – ini mestilah merangkumi senario yang fasiliti penyimpanan baki di tapak Lynas menjadi fasiliti pelupusan bagi pepejal WLP; (f) Apa-apa langkah yang perlu bagi kawalan institusi yang aktif dan/atau pasif. <ul style="list-style-type: none"> • Semasa kes keselamatan ini dibangunkan, penaksiran impak radiologi (RIA) bagi keseluruhan fasiliti perlu dikemas kini sewajarnya.”

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
2.	Encik Tan Chin Hua Encik Yew Yoke Chin Encik Chan Woon Zet [Kumpulan Warga Emas]	Kajian garisdasar (<i>baseline</i>) di sekitar LAMP dan Sungai Balok perlu dijalankan. Pengawasan alam sekitar aktiviti LAMP dan industri-industri di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.	<p>a. Kajian garisdasar di sekitar kawasan Perindustrian Gebeng di dalam lingkungan 5 km radius daripada sempadan tapak projek LAMP telah dijalankan oleh Jururunding EIA Lynas iaitu Environ Consulting Services (M) Sdn Bhd semasa peringkat kajian EIA yang dibuat pada tahun 2007.</p> <p>b. Kajian garisdasar yang dijalankan semasa kajian EIA tersebut adalah mewakili keadaan semasa alam sekitar dari aspek kimia-fizikal, biologiikal dan sosial. Data garisdasar berkenaan adalah merupakan sama ada data primer yang diperolehi di lapangan dan data pengawasan, atau data sekunder yang diperolehi daripada agensi-agensi seperti Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Kuantan, Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Jabatan Statistik, syarikat Alam Sekitar Malaysia (ASMA) dan sebagainya. Keadaan alam sekeliling di kawasan sekitar LAMP sepertimana yang dinyatakan di dalam laporan EIAnya (2008) adalah:-</p> <p>(i) <u>Topografi</u> – Secara umumnya tapak</p>

BIL.	INDIVIDU/PERSATUAN	PERKARA/ CADANGAN (BERDASARKAN TERMA RUJUKAN)	ULASAN / TINDAKAN KEMENTERIAN JABATAN ALAM SEKITAR
			<p>adalah rata dengan ketinggian tidak melebihi 7 m di atas paras laut.</p> <p>(ii) <u>Hidrologi</u> – Terletak di kawasan lembangan Sungai Balok. Air hujan dan air larian permukaan di tapak projek dan kawasan persekitaran mengalir ke alur air yang kemudiannya mengalir ke dalam Sungai Balok yang dipengaruhi air pasang surut.</p> <p>(iii) <u>Kualiti Air</u> – Persampelan kualiti air Sungai Balok di tujuh (7) lokasi persampelan semasa air pasang dan surut telah dibandingkan dengan Piawaian Kualiti Air Kebangsaan (<i>National Water Quality Standards, NWQS</i>), terbitan Jabatan Alam Sekitar, mendapati bahawa kualiti air sedia ada secara umumnya berada di dalam Kelas III (<i>Water supply III – extensive treatment required, Fishery III – common, of economic value, and tolerant species livestock drinking</i>). Tiada takat pengambilan air minuman di hilir tapak LAMP.</p> <p>(iv) <u>Kualiti Udara</u> – Empat (4) lokasi persampelan udara sedia ada yang</p>